

05/09/2003

Sekretariat Wanita OIC mampu jadi `dahan berpaut`

Afzan Mohamad Yusof

SEJAK dulu hingga kini ramai wanita di negara Islam seluruh dunia sering menerima pelbagai ancaman yang tiada berpenghujung dari segi diskriminasi jantina, keganasan sehinggalah malapetaka akibat peperangan.

Walaupun Islam meletakkan taraf wanita mulia-mulianya, sikap manusia yang tidak menghargai (tidak kira wanita sendiri atau lelaki) itu memungkinkan wanita sering menjadi mangsa.

Membanting tulang demi menyara keluarga, melahirkan anak atau kehilangan suami akibat peperangan, yang seksa adalah wanita kerana mereka perlu bangkit meneruskan hidup, menempuh maut untuk melahirkan anak atau menjadi bapa sekiranya kematian suami akibat peperangan.

Mendepani trauma yang menghantui diri dan anak, bukan sesuatu yang mudah, apatah lagi sekeliling dilihat kosong. Tiada yang penting bagi masa depan anak cuma mencari sesuap nasi untuk meneruskan hidup.

Pengerusi Majlis Perundangan Wanita Islam Malaysia (MPWIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) tidak menafikan bilangan wanita Islam besar tetapi masih tidak mampu meringankan kesengsaraan wanita Islam lain yang hidup melarat, tidak cukup makan atau mendepani suasana peperangan.

"Islam ramai dan besar tetapi masih tidak mampu menolong rakan lain yang hidup sukar. Dari dulu di Bosnia, hinggalah serangan Amerika ke atas Iraq, yang seksa adalah wanita. Suami pergi berperang dan maut, si isteri perlu bangkit dan berperanan menjadi ibu dan ayah.

"Begitu juga kekejaman dan penderaan seksual yang sering dihadapi sekiranya kejadian begitu berlaku. Di mana suara rakyat Islam yang lain? Mereka hanya mampu menangis dan menangis. Yang terlihat dari kaca mata orang lain ialah Islam yang lemah walaupun umatnya ramai," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri bengkel Sekretariat Wanita Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Kamilia berkata, badan yang akan menjadi pusat pengurusan bagi negara Islam di bawah satu nama itu dijangka mampu menjadi kaunselor, `dahan berpaut` atau membantu wanita negara Islam selain berperanan luas dari pelbagai aspek sosial dan ekonomi seperti pendidikan serta kesihatan.

Justeru, katanya MPWIM, Yadim akan mengemukakan kertas kerja cadangan untuk menubuhkan Sekretariat Wanita OIC bertujuan mewujudkan rangkaian kerjasama wanita bagi negara anggota OIC secepat mungkin.

Kamilia berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan hasrat mewujudkan badan berkenaan. Justeru, katanya, mereka kini `bergerak` tepat pada masanya dan kertas kerja cadangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri selewat-lewatnya bulan depan bagi membolehkan ia dibentangkan pada Persidangan Menteri Luar Negara OIC, tahun depan.

Beliau berkata, cadangan berkenaan dijangka dilaksanakan pada 2006, iaitu sewaktu Persidangan Kemuncak OIC yang berikutnya selepas Kuala Lumpur, tahun ini.

"Penubuhan sekretariat ini adalah berasaskan beberapa resolusi yang diluluskan sewaktu beberapa persidangan serta mesyuarat OIC yang lalu antara lain meminta negara anggotanya untuk bekerjasama dan mengadakan hubungan rapat di antara wanitanya ke arah pembentukan serta pembangunan wanita Islam," katanya.

Pentingnya penubuhan sekretariat itu disebabkan wanita Islam masih jauh ketinggalan serta memerlukan lebih perhatian dengan penyelarasan kerja yang berkesan. Antara perkara yang akan ditekankan dalam menjayakan

matlamat itu adalah pembangunan komunikasi; pembangunan pembangunan dan penyelidikan, pembangunan rangkaian strategik, perundangan dan kutipan derma.

Ia bermatlamat menjadi tempat rujukan, penyelidikan dan pembangunan hal ehwal wanita dalam menangani isu semasa dan masalah yang berkaitan dengan mereka.

"Wanita sebagai anggota masyarakat yang berperanan membangunkan negara dalam setiap aspek wajar mempunyai maklumat terkini perkara yang ada kaitan dengan mereka. Wanita juga wajar berganding bahu sesama mereka dan sesama kaum lelaki dalam memperkaya dan memantapkan maklumat dan ilmu pengetahuan demi menghadapi masalah dan isu semasa, terutama yang berkaitan masalah dan kepentingan wanita.

"Mereka juga wajar mempunyai wadah berwibawa dalam membantu menyelesaikan dan menghadapi permasalahan yang timbul, sama ada bersifat setempat mahupun global.

"Saya yakin dengan ikatan kuat antara negara Islam, hasrat kita untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti dulu kala akan menjadi nyata kerana kalau kita tidak mulakan dari sekarang, sampai bila-bila pun ia tidak akan terlaksana," katanya.